

D171

R B905 DEB
MAHATHIR - SYUKUR

ALOR SETAR, 3 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN KESALNYA KERANA MASIH ADA GOLONGAN YANG BUKAN SAHAJA TIDAK BERSYUKUR DENGAN KESENYANGAN HIDUP MEREKA DI NEGARA INI MALAHAN SANGGUP PULA MENGECEM PIHAK YANG MEMBERI MEREKA KESENYANGAN ITU.

GOLONGAN ITU, YANG SEBAHAGIANNYA MEMPUNYAI PENDIDIKAN AGAMA YANG TINGGI, JUGA SANGGUP MELEMPAR FITNAH TERHADAP ORANG LAIN, KATA BELIAU PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG PUTAT, DAERAH KUBANG PASU, DI SINI MALAM TADI.

+MEREKA INI MENIMBULKAN MASALAH YANG TIDAK PATUT DITIMBULKAN OLEH MEREKA. MEREKA KECAM ORANG TERTENTU, SURUH (RAKYAT) AMBIL TINDAKAN BUANG MEREKA (YANG JADI PEMIMPIN), TUDUH ORANG LAIN TIDAK BEGITU ISLAM ATAU KAFIR KERANA BUAT KERJA TERTENTU. SEKARANG, MEREKA PULA BUAT KERJA YANG SAMA,+ KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, BAGAIMANAPUN, TIDAK RAMAI YANG TERPENGARUH DENGAN FITNAH DAN HASUTAN GOLONGAN ITU.

BELIAU JUGA MEMPERSOAL TUJUAN GOLONGAN ITU BERBUAT DEMIKIAN KERANA MENURUTNYA ORANG YANG BERPENDIDIKAN AGAMA SEPATUTNYA MENGAJAR UMAT ISLAM AGAR LEBIH BANYAK BERSYUKUR. -- LAGI.

1034MST 03 04 90

D172

R B906 DEB
MAHATHIR - SYUKUR 2 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN SEMATA-MATA UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DI KAWASAN TEMPAT TINGGAL MEREKA.

KATANYA, PENDUDUK JUGA HARUS MENGGUNAKAN INISIATIF MEREKA UNTUK BERUSAHA SENDIRI MEWUJUDKAN KESELESAAN DI KAMPUNG MEREKA.

+KERAJAAN MENGADAKAN PERTANDINGAN KEBERSIHAN KAMPUNG SUPAYA RAKYAT BERUSAHA SENDIRI MENGINDAHKAN SERTA MENJAGA KEBERSIHAN KAMPUNG MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU MEMUJI USAHA PENDUDUK KAMPUNG MELELE, KUBANG PASU, YANG TERPILIH SEBAGAI KAMPUNG TERBERSIH DAN TERINDAH DI NEGERI KEDAH PADA TAHUN LEPAS.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI DAN MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF. -- BERNAMA.

1035MST 03 04 90